



International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies
(IJWCPS)
Universiti Sains Malaysia
<https://ejournal.usm.my/ijwcps/>
e-ISSN: 3030-5071
Volume 3 September 2025: 19-37

Submission date: 14.02.2025 Accepted date: 20/02/2025 Published date: 01/09/2025

**Naratif Barat dan Interpretasi Timur:
Evolusi Eurosentrisme dalam Kajian Orientalis
(*Western Narrative and Eastern Interpretation:
The Evolution of Eurocentrism in Orientalist Studies*)**

Nurliyana Mohd Talib*

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis

***Corresponding Author: liyanatalib@uitm.edu.my**

Abstrak

Eurosentrisme merupakan suatu ideologi yang mengutamakan dan mengagungkan sejarah, kebudayaan dan ketamadunan Eropah sebagai indikator utama dalam menilai peradaban lain, khususnya peradaban dunia Timur. Ideologi ini berkembang pesat pada abad ke-19 Masihi dan menjadi asas dalam penulisan Orientalis dengan memberi sudut pandangan Barat yang bersifat prejudis, cenderung merendahkan tamadun Timur dan membentuk stereotaip yang tidak tepat terhadap masyarakat dan budaya Timur. Dengan itu, kajian kepustakaan dijalankan bagi meneliti meneliti perkembangan ideologi Eurosentrisme dalam membentuk naratif dan tanggapan terhadap masyarakat Timur serta kesannya dalam bidang akademik dan hubungan antara tamadun. Kajian ini mendapati bahawa penulisan para Orientalis telah tersebar luas dalam wacana akademik dan memainkan peranan utama dalam membentuk stereotaip serta tanggapan yang tidak tepat terhadap masyarakat, tamadun dan kebudayaan Timur. Sehubungan itu, para sarjana perlu lebih peka dan mendalami aspek sejarah, pemikiran dan sistem nilai masyarakat, peradaban serta kebudayaan Timur melalui sumber-sumber yang lebih autentik dan berautoriti tanpa bergantung kepada penulisan Orientalis semata-mata.

Kata Kunci: Eurosentrisme, Orientalis, Naratif Barat, Tamadun Timur, Tamadun Islam

Abstract

Eurocentrism is an ideology that upholds and glorifies European history, culture, and civilization as a standard for assessing other civilizations, particularly those of the East. This ideology emerged in the 19th century and served as a framework for Orientalist scholarship, reflecting a biased Western perspective that sometimes criticized Eastern civilizations and perpetuated inaccurate stereotypes about Eastern societies and cultures. To examine this issue, qualitative methods, specifically content analysis, were employed to investigate the evolution of Eurocentrism in shaping narratives and perceptions of Eastern societies, as well as its impact on academic discourse and inter-civilizational relations. The study reveals that Orientalist writings have circulated widely in scholarly discussions and significantly contributed to establishing stereotypes and misconceptions about Eastern civilizations, societies, and cultures. Therefore, scholars must adopt a more critical approach and gain a deeper understanding of Eastern societies' historical contexts, intellectual traditions, and value systems by engaging with more reliable and authoritative sources rather than relying solely on Orientalist interpretations.

Keywords: Eurocentrism; Orientalist; Western Narrative; Eastern Civilization; Islamic Civilization

Pengenalan

Tamadun Eropah terkenal dengan kehebatan dan kegemilangannya dalam pelbagai aspek kehidupan sama ada dari aspek politik, ekonomi mahupun sosial semenjak dari era sebelum Masihi lagi. Tidak dinafikan bahawa tamadun Greek turut memberi sumbangan besar kepada perkembangan intelektual dalam tamadun Islam pada abad pertengahan. Namun begitu, pencapaian dan kemajuan dunia kini bukan sesuatu yang mutlak hasil penemuan bangsa Eropah sendiri atau dari tamadun Greek atau Rom semata-mata. Ia juga merupakan integrasi sumbangan intelektual daripada tamadun dunia lain seperti tamadun Islam, China dan India yang membina kerangka intelektual bagi masyarakat dunia kini. Namun begitu, sumbangan-sumbangan tamadun Timur ini sering disembunyikan dan hanya kehebatan Eropah sahaja yang dipertontonkan kepada dunia

sehingga mereka dianggap sebagai pencetus evolusi dalam pelbagai bidang seperti falsafah, tamadun, sains dan teknologi. Kenyataan ini diklasifikasikan sebagai ideologi Eurosentrisme, di mana bangsa Eropah menentengahkan kemajuan dan kehebatan mereka sebagai pusat pembangunan sejarah dan kebudayaan dunia serta menafi dan menyembunyikan pencapaian dan kemajuan bangsa lain (Mondal, 2006; Hostettler, 2012).

Akkach (2021) menyatakan bahawa Eurocentrisme merupakan hasil intelektual yang lahir daripada gerakan yang muncul pada era Pencerahan Eropah yang membentuk konsep keunggulan dan kehebatan Eropah dengan merujuk kepada keistimewaan bangsa, budaya dan intelektual Eropah itu sendiri. Ideologi ini mewujudkan perspektif yang merendah-rendahkan masyarakat bukan Eropah yang sering dilabel sebagai tidak bertamadun. Blaut (1993) turut menjelaskan bahawa bangsa Eropah mempercayai diri mereka lebih unggul kerana warna kulit mereka yang lebih cerah serta sifat mereka yang dikaitkan dengan keberanian. Sementara itu, Amin (1989) pula mentakrifkan Eurosentrisme sebagai satu fenomena budaya yang melihat sejarah dan kebudayaan masyarakat bukan Eropah dari perspektif Eropah atau Barat. Bangsa Eropah menganggap budaya mereka sebagai budaya yang universal dan nilai-nilai budaya Eropah dianggap lebih bertamadun berbanding masyarakat bukan Eropah. Contohnya dari aspek keperibadian, hak asasi manusia, kesaksamaan, demokrasi, pasaran bebas, sekularisme dan keadilan sosial. Sehubungan dengan itu, kenyataan ini sekali gus menunjukkan ideologi Eurosentrisme merupakan ideologi yang bersifat anti-universal kerana Eropah menjadikan dirinya sebagai universal dan mengenyampingkan nilai-nilai budaya bangsa lain. Malahan, budaya Eropah telah disebarluaskan dalam kalangan masyarakat bukan Eropah dan sering dipropagandakan kepada masyarakat lain untuk menerapkan nilai serta budaya Eropah sebagai asas kemajuan dan kemodenan.

Pandangan Amin yang mengaitkan isu Eurosentrisme sebagai satu fenomena budaya ini turut disokong dengan kenyataan Blaut (1993) yang

menegaskan penyebaran Eurosentrisme ialah satu teori proses pembudayaan Eropah yang tersebar luas di dunia kini. Menerusi Eurosentrisme, Eropah menggambarkan diri mereka sebagai *center* (pusat) dan bukan Eropah pula sebagai pinggiran. Dengan demikian, keunggulan dan kehebatan Eropah yang disebarkan ini kemudiannya telah membentuk satu hak keistimewaan kepada negara Eropah untuk mendominasi dan menguasai negara-negara lain (Hostettler, 2012). Ideologi ini juga membawa kepada aktiviti kolonialisme oleh bangsa Eropah berlaku ke atas masyarakat *Orient*.

Dengan demikian, membuktikan kenyataan Mondal (2006) tampak benar apabila beliau menyatakan ideologi Eurosentrisme ini tidak dapat dipisahkan dengan isu penjajahan yang dilakukan oleh bangsa Eropah. Malahan, kolonialisme Eropah berlaku disebabkan oleh penyebaran ideologi Eurosentrisme dalam kalangan bangsa Eropah apabila mereka percaya bahawa diri mereka merupakan bangsa yang lebih bertamadun berbanding bangsa lain. Justeru itu, mereka beranggapan mereka bertanggungjawab untuk mentamadunkan bangsa-bangsa bukan Eropah lain yang dianggap sebagai tidak bertamadun dengan menggunakan slogan *white man's burden* dan *mission civilitrice* (Azmi, 2007; Habti, 2010).

Pada pandangan bangsa Eropah, masyarakat Timur (*Orient*) adalah masyarakat yang primitif, tidak berakhlak, tidak rasional, mundur, ganas, despotik (zalim), jumud, rendah, pasif, kebudak-budakan, keperempunaan dan kerakusan seks. Ciri-ciri *Orient* ini dianggap berlawanan dengan gambaran ciri masyarakat Eropah yang dianggap sebagai masyarakat yang mulia, rasional, maju, berperikemanusiaan, agung, aktif, kreatif, kedewasaan dan *manly* (kelelakian) (Azmi, 2007; Dibua, 2010). Berdasarkan kenyataan Jones (1971), tamadun Greek merupakan pencetus kepada penggunaan istilah *barbarian* bagi merujuk kepada masyarakat bukan Greek, khususnya masyarakat Timur yang tidak mengamalkan budaya Greek dalam tamadun mereka. Para sarjana Greek pada era tersebut sering membanding-bandingkan dan merendah-rendahkan masyarakat Timur dalam penulisan mereka dengan menggunakan imej

yang negatif. Kenyataan-kenyataan sarjana Greek mengenai masyarakat Timur menjadi pemangkin kepada pembentukan ideologi Orientalisme dalam tamadun Eropah. Oleh itu, kajian ini seterusnya akan meneliti perkembangan ideologi Eurosentrisme dalam membentuk naratif dan tanggapan terhadap masyarakat Timur serta kesannya dalam bidang akademik dan hubungan antara tamadun.

Evolusi Eurosentrisme dalam Naratif Barat

Perkataan Eurosentrisme merupakan kata dasar *europe-centric* yang muncul pada awal abad ke-20M menerusi penulisan seorang ekstrimis Jerman, iaitu Karl Haushofer pada tahun 1920-an. Menerusi buku Haushofer, *Geopolitik des pazifischen Ozeans (Geo-Politics of the Pacific Space)*, beliau merujuk istilah Eropah dan Europa-zentrisch (Eropah-centrik) sebagai kuasa yang mengawal ruang pasifik dalam sudut politik global. Kemudiannya, muncul pula istilah Eurosentrisme pada tahun 1970-an yang digunakan oleh Samir Amin dalam penulisan beliau. Beliau menyatakan Eurosentrisme ialah sebahagian daripada isu global yang memisahkan antara Eropah yang dianggap sebagai *center* (pusat) dan negara bukan Eropah sebagai *periphery* (pinggiran). Di samping itu, Eurosentrisme turut dijadikan sebagai sandaran dalam memperkenalkan sistem kapitalis kepada negara bukan Eropah. Terma Eurosentrisme pula hanya muncul pada 1988M sebagai judul buku Samir Amin yang merujuk kepada satu bentuk ideologi (Miri, 2013).

Bagaimanakah ideologi Eurosentrisme menjadi kerangka naratif dalam penulisan Orientalis? Sebenarnya, ideologi Eurosentrisme ini telah lama wujud dalam pemikiran kalangan bangsa Eropah. Sarjana Greek sering yang memberikan gambaran yang negatif terhadap bangsa dan masyarakat Timur. Seperti mana kenyataan Jones (1971);

Greek poets, dramatists and philosophers usually considered Greek civilization as the norm and were fond of portraying the barbarian as the oaf, the slave and the predator.

Malahan, Miles (1989) menyatakan bahawa kebanyakan gambaran yang sering diberikan oleh bangsa Eropah terhadap bangsa bukan Eropah adalah dalam bentuk merendah-rendahkan dengan tujuan menghinakan. Beliau turut menyatakan apa sahaja gambaran yang diberikan oleh Eropah tentang masyarakat bukan Eropah, temanya masih berkisarkan soal pencapaian dan keagungan bangsa Eropah serta kerendahan dan kemunduran bangsa lain. Gambaran ini dijadikan sebagai alasan terhadap kebenaran dasar pengeksploitan dan penjajahan Eropah ke atas negara-negara Timur (Azmi, 2007).

Hakikatnya, pandangan negatif terhadap masyarakat Timur tersebut dilihat sebagai hanya satu gambaran dan imaginasi bangsa Eropah terhadap bangsa bukan Eropah dan bukanlah suatu yang hakikat yang sebenar. Gambaran negatif yang dipropagandakan bertujuan untuk menonjolkan kehebatan ketamadunan bangsa Eropah selari dengan imaginasi Barat terhadap bangsa-bangsa lain. Secara tidak langsung mencetuskan pertikaian antara realiti dengan gambaran rekaan mereka disebabkan oleh prejudis perkauman dan budaya (Siddiqui & Sujata, 2023). Sedangkan, masyarakat Timur seperti Arab, Parsi, Turki, India dan China telah mencapai fasa kegemilangan tamadun yang juga tidak kurang hebatnya sama ada dari aspek politik, sosial, ekonomi, budaya dan intelektual sebelum berlaku kebangkitan bangsa Eropah pada zaman Renaissance. Intergrasi daripada sumbangan tamadun-tamadun Timur inilah yang menjadi pemangkin kepada bermulanya era kebangkitan semula Eropah selepas ratusan tahun berapa dalam era kegelapan, khususnya dalam bidang intelektual. Dengan muncul kepesatan bidang intelektual dalam tamadun Islam di Andalus telah menjadi jambatan kepada kebangkitan semula bidang tersebut di benua Eropah. Namun begitu, segala sumbangan besar daripada tamadun Timur, terutamanya Islam sering kali dinafi dan disangkal oleh sarjana Barat.

Gambaran dan imaginasi masyarakat Eropah terhadap masyarakat Timur sebenarnya merupakan antara elemen yang terdapat dalam ideologi Romantisisme yang tersebar luas pada abad ke-19M, di samping beberapa

elemen lain seperti nasionalisme, heroisme, rasisme dan sentimentalisme (Copenhaver & Copenhaver, 2012). Kemunculan ideologi Romantisisme pada akhir abad ke-18M merupakan respons terhadap gerakan Neo-Klasikisme yang menekankan kepada logik dan realiti (Johns-Putra, 2011). Menurut Said (1978), pengaruh Romantisisme ini tidak sekadar terdapat dalam penulisan puisi, drama dan cerita semata-mata, malah ia turut terdapat dalam penulisan sejarah tamadun Timur, terutama sejarah tamadun Islam yang dihasilkan oleh para Orientalis di Eropah. Kenyataan Said ini dikukuhkan pandangan Pochta (2001) yang mengaitkan gerakan Romantisisme dengan penyebaran Eurosentrisme dalam kalangan Orientalis di Barat. Beliau menyatakan pada abad ke-18M dan 19M, gerakan Romantisisme Eropah telah mengemukakan satu gambaran, iaitu dengan mengatakan agama Kristian sebagai agama utama bagi tamadun dunia. Mereka turut meyakini, hanya menerusi campur tangan Barat sahaja dapat mentamadunkan masyarakat Islam di dunia ini.

Lantaran itu, penyebaran ideologi Romantisisme dilihat telah memberi kesan yang besar dalam penulisan para Orientalis terhadap masyarakat Islam. Golongan Orientalis yang dipengaruhi dengan ideologi Romantisisme ini dikenali sebagai *Romantic Orientalism*. Menurut al-Dabbagh (2010), gerakan *Romantic Orientalism* merupakan antara metode yang digunakan oleh Orientalis dalam menyebarkan penyelewengan dan salah faham terhadap Islam. Tambahan pula, Mohammed Sharafuddin (1994), menegaskan gambaran despotik masyarakat Timur merupakan ciri utama yang sering dipaparkan dalam penulisan *Romantic Orientalism*. Malahan, penulisan sarjana beraliran *Romantic Orientalism* ini turut dijadikan sebagai *literary canon* dalam usaha menjatuhkan negara-negara Islam dan sekali gus membawa kepada penguasaan Eropah ke atas negara-negara ini (Mohammed Sharafuddin, 1994). Gambaran negatif terhadap masyarakat Timur, khususnya Islam oleh para Orientalis ini, secara tidak langsung telah menyumbang kepada penyebaran ideologi Eurosentrisme. Kesan daripada gambaran negatif ini masyarakat Timur mempercayai akan keunggulan dan kehebatan yang terdapat pada masyarakat Eropah dan merasa rendah diri dengan ketamadunan dan budaya mereka sendiri.

Pandangan mengenai penyebaran Eurosentrisme ini dinyatakan oleh Berger (2003) seperti mana berikut:

Europe is held up as the fountainhead of democracy, economic progress, and modernity, even as its long history of colonialism and its history of dictatorship and authoritarianism (until well into the twentieth century) is disregarded or downplayed. Eurocentrism also refer to the practice of viewing the rise and spread of Europe as the driving force in world history.

Gambaran salah menyebabkan timbul imaginasi dan salah faham terhadap tamadun dan masyarakat Timur, termasuklah tamadun dan masyarakat Islam. Situasi ini sekali gus telah mengangkat tamadun Eropah sebagai sebuah tamadun yang unggul dan hebat dalam sejarah dunia dari aspek politik, ekonomi, sosial, budaya, dan intelektual berbanding tamadun-tamadun dunia yang lain.

Selain itu, bangsa Eropah turut menggunakan teori kemodenan dan pemodenan dalam mengangkat kedudukan bangsa Eropah di mata dunia. Menurut Habti (2010), teori kemodenan ini merupakan antara pendekatan alternatif Eurosentrisme yang berbentuk eksklusif yang digunakan oleh bangsa Eropah dalam menjayakan misi pemartabatan bangsa mereka. Kemodenan merupakan projek politik dan intelektual yang bertujuan mendominasi, menidak dan menyebarkan tanggapan salah terhadap bangsa bukan Eropah. Seperti mana pandangan Giddens (1987) yang menyatakan bahawa sejarah moden bermula daripada Barat dan ia kemudiannya telah memberi impak yang besar kepada kemodenan global. Berdasarkan kenyataan yang dipetik daripada Jan Nederveen Pieterse dalam penulisan Lazarus (1999), teori kemodenan Giddens ini telah membentuk satu teori pembaratan dengan menghubungkan segala masalah yang berlaku dalam situasi global dengan Eurosentrisme. Teori ini secara tidak langsung menyempitkan pandangan dunia dari segi sejarah dan budaya. Lantaran itu, Pieterse menegaskan teori kemodenan yang disebarkan oleh Barat bukan bertujuan untuk membentuk globalisasi, tetapi sebenarnya bagi membentuk proses pembaratan.

Menurut Habti (2010), teori-teori Barat ini muncul apabila Eropah menyedari teori penjajahan telah gagal untuk membina kesejahteraan dan kemodenan dalam bangsa bukan Eropah. Kesedaran Eropah ini memberi ruang kepada kemunculan teori Eurosentrisme yang terhasil daripada teori-teori kemodenan dan pemodenan yang bertali arus dalam menyelesaikan isu-isu global. Pendirian ini seolah-olah membayangkan pemodenan tidak semata-mata hanya membentuk transformasi tetapi turut membentuk satu perbincangan dan pandangan terhadap keunggulan budaya, ekonomi dan politik Barat. Pendirian ini menyebabkan masyarakat masa kini melihat etika kehidupan, budaya, pemikiran, ekonomi dan politik Barat (Eropah) sebagai model bagi mencapai kemodenan dan pemodenan. Secara tidak langsung, perkembangan ini menunjukkan misi Eurosentrisme berjaya disebarkan oleh bangsa Eropah dalam pemikiran masyarakat bukan Eropah.

Eurosentrik Orientalis

Menurut Norori (2023), Orientalisme dan Orientalis dalam konteks pemikiran Barat merujuk kepada satu disiplin ilmu yang mengkaji sejarah, budaya, bahasa, adat resam dan tamadun Timur sama ada dari kalangan penyelidik atau sarjana Barat mahu pun Timur. Namun begitu pada pandangan Kamaruzaman dan Ruzaini (2009), Orientalisme adalah satu bentuk fahaman sarjana Barat terhadap dunia Timur. Dalam Ensiklopedia Dunia (2005), Orientalisme didefinisikan sebagai satu kajian akademik yang dilakukan oleh para pengkaji yang khususnya daripada kalangan Kristian dan Yahudi. Para pengkaji ini mengkhususkan pengkajian mereka terhadap Islam dan masyarakatnya dari pelbagai sudut seperti sejarah, akidah, fiqh, kebudayaan dan tamadun, di samping pengkajian terhadap tamadun Timur lain secara umumnya. Al-Samuk (2010) pula mentakrifkan Orientalisme sebagai satu kajian yang dilakukan terhadap bahasa-bahasa Timur seperti bahasa Arab, Parsi dan Turki serta warisan, ketamadunan, masa lalu dan juga keadaan semasa masyarakat Timur.

Berdasarkan penulisan Said (1978) berjudul *Orientalism*, beliau menegaskan Orientalisme ialah suatu pandangan dan gambaran seseorang

terhadap Timur dan masyarakatnya. Pandangan ini muncul sama ada menerusi pengajaran, penulisan dan kajian tidak kira dalam bidang antropologi, sosiologi, sejarah, filologi dan lain-lain secara ontologi dan epistemologi dengan meletakkan satu kayu ukur yang membezakan antara Timur dengan Barat. Seterusnya, Zaquq (1989) pula mengistilahkan Orientalisme secara umumnya sebagai satu ilmu Timur atau ilmu yang berhubung dengan dunia Timur. Manakala, secara khususnya Orientalisme ialah kajian-kajian Barat yang berhubung dengan Islam sama ada dalam bidang bahasa, sejarah, akidah, syariah, dan tamadun. Beliau merujuk istilah Orientalis pula kepada setiap orang Barat yang pakar dalam mengkaji ilmu sama ada kepakarannya itu mendalam atau tidak dalam bidang bahasa, sastera, tamadun dan agama Timur.

Perkaitan antara kajian Barat dengan dunia Timur, khususnya Islam yang dinyatakan oleh Said dan Zaquq turut disokong dengan takrifan Sardar (1999) yang menyatakan:

Orientalism is a form of inward reflection, preoccupied with the intellectual concerns, problems, fears and desires of the West that are visited on a fabricated, constructed object by convention called the Orient.

Menerusi pandangan Maryam Jameelah (1971), beliau menegaskan Orientalisme tidak sekadar satu kajian ilmiah mengenai Islam dan budayanya, malah menerusi Orientalisme ini Barat cuba menggoyahkan kepercayaan dan pegangan orang Islam, khususnya golongan muda terhadap sejarah Islam dan budayanya yang dianggap sudah lapuk. Contohnya, segolongan Orientalis menyebarkan bahawa agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W. adalah berasaskan kepada ajaran Yahudi yang dipelajari Baginda daripada Buhayrah, iaitu seorang ahli Kitab beragama Yahudi yang ditemui Baginda semasa di Sham. Malah, Baginda turut dikatakan tertarik dengan ajaran Kristian oleh ahli Kitab dari Syria.

Kenyataan Maryam Jameelah ini menunjukkan Orientalisme merupakan satu konspirasi Barat untuk memutarbelitkan sejarah Islam

yang sebenar dengan cara yang halus. Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan pandangan Kamaruzaman dan Ruzaini (2009) yang menyatakan Orientalis telah memperlihatkan diri mereka sebagai satu gerakan halus sarjana-sarjana Barat yang sentiasa berusaha mengkaji Islam dari setiap aspek pemikiran dan ketamadunannya dengan tujuan untuk menentang perkembangan Islam dengan menggunakan metode lapangan ilmiah. Ini kerana berdasarkan kenyataan Mazama (1998), beliau menyatakan bahawa penyebaran ideologi dalam bentuk penulisan memberi kesan yang lebih mendalam dan efektif terhadap minda para pembaca dalam mencetus dan meningkatkan kerasionalan pemikiran seseorang individu berbanding pengucapan atau pendengaran.

Sehubungan dengan itu, muncul pelbagai penulisan Barat yang memaparkan interpretasi mereka terhadap masyarakat, budaya dan sejarah ketamadunan Timur. Sebagai contoh, sebuah penulisan Reinhart Dozy yang dianggap sebagai sebuah karya sejarah yang hebat berjudul *Histoire des Musulmans d'Espagne Jusqu'a la Conquête de l'Andalousie par les Almoravides (711-1110)* atau dalam bahasa Inggerisnya, *Spanish Islam: A History of the Muslims in Spain*. Karya ini dianggap sebagai salah satu hasil karya agung berkaitan sejarah tamadun Islam di al-Andalus pada abad pertengahan. Meskipun, Dozy menghasilkan karya ini dengan merujuk kepada sumber-sumber primer dan muktabar, tetapi terdapat naratifnya bersifat Eurosentrisme dengan menginterpretasikan peristiwa sejarah yang berlaku berdasarkan kepada imaginasi beliau sendiri. Antara naratif beliau yang dilihat boleh dikaitkan dengan Eurosentrisme ialah beliau menidakkan pencapaian pembangunan dalam tamadun Islam; memberikan gambaran prejudis terhadap keperibadian Nabi Muhammad S.A.W dan para Sahabat R.A; memberikan pandangan yang prejudis terhadap pemerintahan Arab dan Berber di Al-Andalus; dan memuji-muji masyarakat Kristian (Ezad Azraai & Nurliyana, 2014).

Contoh lain lagi ialah menerusi sebuah artikel yang dihasilkan oleh Almeida dan Joseph (2004) berjudul *Eurocentrism in the History of Mathematics: The Case of the Kerala School*, mereka menjelaskan bahawa

para sarjana Eropah telah berjaya mengangkat martabat bidang intelektual, khususnya dalam bidang matematik. Mereka memperkenalkan Isaac Newton (1642-1727M) dan Gottfried Leibniz (1646-1716M) sebagai tokoh yang pertama memperkenalkan sistem *infinitesimal calculus* yang dilihat sebagai permulaan kepada matematik moden. Sedangkan, sistem kulkulus ini terlebih dahulu diperkenalkan oleh sarjana dari tamadun India, iaitu Madhava Sangamagrama (1350-1425M) yang hidup dua ratus tahun sebelum Newton dan Leibniz. Walaupun penggunaan kulkulus tersebut telah dikaji dan diolah semula oleh tamadun Eropah, namun ia tidak bermakna tamadun Eropah boleh menafikan sumbangan tamadun India dan juga memandang rendah terhadap pencapaian mereka dalam bidang intelektual.

Dengan itu, Said (1978) berpandangan Orientalisme tidak sekadar satu bidang kajian ilmiah, kerana menurut beliau:

Orientalism can be discussed and analysed as the corporate institution for dealing with the Orient—dealing with it by making statements about it, authorizing views of it, describing it, by teaching it, sitting on it, ruling over it: in short, Orientalism as Western style for dominating, restructuring, and having authority over the Orient.

Berdasarkan kenyataan Said ini jelas menggambarkan kedudukan Orientalisme yang berperanan sebagai wadah penting dalam aktiviti kolonialisme Barat. Kenyataan ini sekali gus membuktikan wujud hubungan rapat antara Orientalis dengan ideologi Eurosentrisme. Seperti yang diperjelaskan oleh Hostettler (2013) dan Mondal (2006) sebelumnya, aktiviti kolonialisme Barat merupakan hasil daripada penyebaran Eurosentrisme dan pada masa yang sama juga kolonialisme ini turut menjadi antara elemen utama kepada penyebaran Eurosentrisme dalam kalangan masyarakat bukan Eropah.

Misi Orientalisme sebagai sebahagian medium penyebaran Eurosentrisme ini turut dijelaskan menerusi kenyataan Sardar dan

Hudgson. Menurut Sardar (1999), sekiranya Orientalis dilihat dari sudut meta naratif, beliau mengumpamakan Orientalis sebagai sekumpulan serigala yang berusaha untuk menarik-carikkan dan cuba menghancurkan agama, budaya dan tamadun Islam. Menurut Hodgson yang dipetik dari Sardar (1999) pula, beliau turut menyatakan pandangan yang sama mengenai Orientalisme. Beliau menjelaskan Orientalisme sebagai satu disiplin ilmu dan perbincangan yang bertujuan untuk mengekalkan penguasaan Barat ke atas Timur.

Menurut Hudgson lagi (Sardar, 1999), Orientalisme tidak hanya satu penceritaan yang memberi gambaran yang salah terhadap Islam, tetapi ia juga menjadikan sejarah Islam sebagai sebahagian sejarah yang hanya mempunyai peranan yang kecil dalam catatan sejarah Barat yang dianggap sebagai hebat. Ini secara tidak langsung jelas membuktikan konsep Orientalisme dalam bidang sejarah dan tamadun Islam tidak sekadar sebagai satu pengkajian akademik yang dilakukan oleh sarjana Barat dengan tujuan untuk mengenali dan memahami Islam. Tetapi, pengkajian para sarjana Barat ini sebenarnya mempunyai agenda yang tersembunyi, iaitu untuk menjatuhkan dan merendah-rendahkan ketamadunan, budaya dan agama Islam itu sendiri. Di samping itu juga, Orientalisme ini bertujuan untuk mengekalkan penguasaan Eropah ke atas negara dan juga masyarakat Islam.

Namun begitu, pandangan para sarjana mengenai Orientalisme sebagai penyumbang kepada gerakan hegemoni Barat, khususnya melibatkan negara Islam ini disangkal oleh Bernard Lewis (1916-2018M). Menerusi penulisan beliau berjudul *Islam and The West*, Lewis menjawab persoalan dan menangkis segala tomanan daripada anti-Orientalisme. Sardar (1999) menyatakan, Lewis cuba menonjolkan Orientalisme sebagai kajian yang bersifat neutral, tidak bersalah dan mempunyai kepakaran yang tidak perlu dipertikaikan oleh pengkritik luar. Beliau turut menegaskan, Orientalisme juga tidak mempunyai sebarang perkaitan dengan isu politik dan kuasa Eropah serta agenda imperialisme dan kolonialismenya ke atas Asia dan Afrika. Orientalisme juga tidak terlibat

dalam menonjolkan imej Islam sebagai *darker side of Europe*. Malahan, menurut Lewis lagi pengkajian dan penulisan yang dihasilkan Orientalis mengenai dunia Islam adalah didorong oleh perasaan ingin tahu yang saintifik terhadap budaya dan masyarakat Arab (Nyang & Abed-Rabbo, 1984).

Kenyataan yang dikeluarkan oleh Lewis tersebut berkemungkinan benar. Ini kerana menurut kenyataan Zaquq (1989) terdapat dua aliran yang berbeza dalam Orientalisme, iaitu:

1. Aliran pertama yang terdiri daripada golongan gereja dan sarjana melampau. Sarjana aliran ini memandang Islam sebagai satu perbincangan yang tiada pengakhiran dan penulisan mereka penuh dengan penyelewengan dan dongeng.
2. Aliran kedua pula, lebih bersifat objektif dan akademik kerana mereka melihat Islam sebagai sumber ilmu pengetahuan seperti sains, perubatan dan falsafah.

Walau bagaimanapun, aliran kedua ini hanya kekal sehingga abad ke-17M sahaja dan kemudiannya ia telah dipengaruhi dengan aliran pertama, khususnya dalam penulisan para Orientalis berkaitan Islam dan Nabi Muhammad S.A.W. Justeru itu, pandangan oleh Lewis mengenai Orientalisme yang dikatakan bersifat neutral dan ilmiah mungkin merujuk kepada aliran yang kedua. Walau bagaimanapun, pandangan beliau tersebut dilihat sudah tidak relevan bagi Orientalisme pada masa kini memandangkan aliran kedua sendiri telah terpengaruh dengan pemikiran aliran pertama selepas abad ke-17M. Sekiranya aliran kedua masih wujud, maka kebarangkaliannya adalah sangat sedikit.

Kenyataan Nyang dan Abed-Rabbo (1984) dilihat bertentangan dengan pandangan Lewis yang menyatakan Orientalisme tidak terlibat dalam isu politik dan kuasa Eropah. Ini kerana beliau sendiri turut terlibat dengan dalam isu-isu tersebut. Berdasarkan kajian latar belakang Lewis oleh kedua-duanya, mereka menegaskan bahawa beliau sendiri sebenarnya

pernah terlibat dalam menyumbangkan ideanya yang bersifat pro-Barat dan juga Israel berkaitan isu politik dan ekonomi dalam penulisan-penulisannya. Nyang dan Abed-Rabbo (1984) menyatakan bahawa Lewis telah menghasilkan sekitar 50 ke 60 buah artikel sekitar tahun 1956M dan 1967M, iaitu ketika berlakunya krisis terusan Suez dan konflik Arab-Israel. Secara keseluruhannya, artikel-artikel yang dihasilkan oleh Lewis dalam tempoh ini menonjolkan sikap berat sebelahnya terhadap dunia Arab dan agama Islam dengan menyatakan sokongannya terhadap perjuangan orang Israel.

Selain itu, Iqbal (2008) turut mencatatkan pandangan Lewis yang menyebelahi Barat dalam penulisan *The Crisis of Islam* (2008M). Menerusi penulisan, Lewis menyatakan dalam 57 negara ahli *Organization of the Islamic Conference* (OIC), hanya Republik Turki sahaja merupakan negara paling lama menggunakan dasar pemerintahan demokrasi. Tambahnya lagi, dua buah negara, iaitu Iraq dan Iran yang sebelumnya merupakan regim anti-Amerika telah berjaya membentuk pemerintahan demokrasi dan bebas atas bantuan Amerika. Dengan demikian itu, jelas menunjukkan bahawa propaganda yang disebarkan dalam penulisan-penulisan Orientalis merupakan antara medium yang sangat penting dalam membantu dan menyumbang kepada agenda penguasaan Barat ke atas negara-negara Islam, sekali gus membawa kepada penyebaran ideologi Eurosentrisme terhadap bangsa bukan Eropah.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Eropah melakukan pelbagai usaha dalam mengangkat martabat tamadunya dan memperluaskan kekuasaannya ke atas negara-negara lain menerusi penyebaran Eurosentrisme. Antara usaha yang dilakukan dalam menyebarkan ideologi Eurosentrisme ialah menerusi kolonialisme, Romantisisme, teori kemodenan dan juga penulisan-penulisan Orientalis. Menerusi naratif-naratif yang dihasilkan oleh para Orientalis Barat berkaitan bangsa dan tamadun Timur jelas

menunjukkan sikap prejudis bangsa Eropah terhadap bangsa dan tamadun bukan Eropah dengan memanipulasikan fakta-fakta berkaitan kebudayaan dan sejarah tamadun mereka. Mereka mentafsir sejarah Islam menurut perspektif mereka sendiri tanpa mempedulikan realiti sebenar peristiwa sejarah yang berlaku. Hal ini menyebabkan masyarakat bukan Eropah kini turut skeptikal dengan keunikan kebudayaan dan kehebatan sejarah mereka sendiri. Oleh itu, setiap penghasilan dan pengkajian sejarah Timur yang dihasilkan oleh para Orientalis perlu diteliti dan dikaji semula supaya ideologi Eurosentrisme yang disebarkan oleh para Orientalis Barat ini tidak mempengaruhi pemikiran dan perspektif para pengkaji dan masyarakat bukan Eropah atau Eropah sendiri sehingga mengenyapkan fakta-fakta yang sebenar.

Rujukan

- Akkach, S. (2021). Neo-Eurocentrism and Science: Implications for the Historiography of Islamic Art and Architecture. *International Journal of Islamic Architecture*, 10(1).
- Almeida, D. F. & Joseph, G. G. (2004). Eurocentrism in the history of mathematics: the case of the Kerala School. *Race & Class* 45(4). 45-59.
- Amin, S. (1989). *Eurocentrism*. London: Zed Books.
- Azmi Arifin. (2007). Feudalisme Melayu: Asal-usul pemikiran, sejarah dan persejarahan. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Berger, M. T. (2003). Eurocentrism. Dlm. Page, M. E. (pnyt.). *Colonialism: An International, Social, Cultural and Political Encyclopedia*, 196–197. Jil.1. California: ABC-CLIO.
- Blaut, J. M. (1993). *The Colonizer's Model of the World: Geographical Diffusionism and Eurocentric History*. New York: The Guilford Press.

- Copenhaver, B. & Copenhaver, R. (2012). *From Kant to Croce: Modern Philosophy in Italy, 1800-19500*. Toronto: University of Toronto Press.
- al-Dabbagh, Abdulla. (2010). *Literary Orientalism, Postcolonialism, and Universalism*. Peter Lang Publishing: New York.
- Dibua, J. I. (2010). Eurocentrism. Dlm. Irele, F. A. & Jeyifo, B. (pnyt.). *The Oxford Encyclopedia of African Thought*, 363–365. New York: Oxford University Press.
- Dozy, R. (2001). *Spanish Islam: A History of the Muslims in Spain*. Terj. Stokes, F. G. New Delhi: Goodword Books.
- Ensiklopedia Dunia*. (2005). Jil. 15. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ezad Azraai Jamsari & Nurliyana Mohd Talib. (2014). Eurocentrism in Reinhart Dozy's Spanish Islam: A History of the Muslims in Spain. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 5 (29): 74-80.
- Giddens, A. (1987). *The Nation-State and Violence: Volume Two of A Contemporary Critique of Historical Materialism*. Berkley: University of California Press.
- Habti, D. (2010). *Orientalism, Occidentalism, and Discourse of Modernity and Tradition in Contemporary Arab-Islamic Thought*. Deutschland: LAP LAMBERT Academic Publishing AG & Co. KG.
- Hostettler, N. (2012). *Eurocentrism: A Marxian Critical Realist Critique*. New York: Routledge.
- Iqbal, M. (2008). *Definitive Encounters: Islam, Muslims, and the West*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Johns-Putra, A. (2011). Key critical concepts and topics. Dlm. Chaplin, S. & Faflak, J (pnyt.). *The Romanticism Handbook*. New York: Continuum International Publishing Group.
- Jones, W. R. (1971). The Image of Barbarian in Medieval Europe. *Comparative Studies in Society and History* 13(4): 376–407.

- Kamaruzaman Yusoff & Ruzaini Sulaiman. (2009). *Peranan Orientalis dalam Penulisan Sejarah Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Kohn, M. & McBride, K. (2011). *Political Theories of Decolonization: Postcolonialism and the Problem of Foundations*. New York: Oxford University Press.
- Lazarus, N. (1999). *Nationalism and Cultural Practice in the Postcolonial World*. Cambridge: The Syndicate of The University of Cambridge.
- Lewis, B. (1993). *Islam and The West*. New York: Oxford University Press.
- Maryam Jameelah. (1971). *Islam and Orientalism*. Lahore: Muhammad Yusuf Khan.
- Mazama, A. (1998). The Eurocentric Discourse on Writing: An Exercise in Self-Glorification. *Journal of Black Studies* 29(1): 3–16.
- Miles, R. (1989). *Racism*. London: Routledge.
- Miri, S. J. (2013). *East and West: Allama Jafari on Bertrand Russell*. United Kingdom: University Press of America.
- Mohammed Sharafuddin. (1994). *Islam and Romantic Orientalism: Literary Encounters with the Orient*. London: I. B. Tauris & Co. Ltd.
- Mondal, A. (2006). Eurocentrism. Dlm. Childs, P. & Fowler, R. eds. *The Routledge Dictionary of Literary Terms*, 75–77. Oxon: Routledge.
- Noori, A. K. (2023). Investigating the concept of the East in Orientalism Discourse. *Journal of Humanities and Social Sciences Studies*, 5(3), 83–89.
- Nyang, S. S. & Abed-Rabbo, S. (1984). Bernard Lewis and Islamic studies: an assessment. Dlm. Hussain, A. Olson, R. & Qureshi, J. (pnyt.). *Orientalism, Islam, and Islamists*, 259–280. Vermont: Amana Books.

- Pochta, Y. (2001). Clash of civilizations or destroying mankind? Dlm. Makariev, P. (pnyt.) *Islamic and Christian cultures: conflict or dialogue*, 101–110. Washington: The Council for Research in Values and Philosophy.
- Said, E. W. (1978). *Orientalism*. London: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- al-Samuk, Sa'dun. (2010). *Al-Istishraq wa Manahajahu fi al-Dirasat al-Islamiyyah*. Jordan: Dar al-Manahij li Nashr wa al-Tawzi'.
- Sardar, Z. (1999). *Orientalism*. Buckingham: Open University Press.
- Siddiqui, S., & Sujata. (2023). Orient Romanticised: Disruption of Orient's Reality in Select Occidental Literary Discourses. *History and Sociology of South Asia*, 17(1), 7-24.
- Zaazuq, M. H. (1989). *Orientalisme: Kesan Pemikirannya terhadap Tamadun Islam*. Terj. Mudasir Rosder & Che Yusuf Che Mat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.